

# 10 kontraktor sekeluarga bida tender

» *Jabatan Audit Negara dedah pembelian 'pelik tetapi benar'*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

▸ Serdang

Jabatan Audit Negara mengesan ada projek dan pembelian barang dikategorikan 'pelik tetapi benar', termasuk menempah meja besar untuk bilik kecil yang menyebabkan ruang menjadi sempit.

Ketua Audit Negara, Tan Sri

Ambrin Buang, berkata pihaknya mengambil perhatian serius terhadap kes berkenaan dan berharap kementerian, jabatan, agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terbabit tidak mengulanginya.

Yang turut dikesan, katanya, projek pembinaan yang gagal disiapkan walaupun bayaran penuh sudah dibuat kepada pemaju terbabit, sekali gus menyebabkan kenaikan harga siling dan pembaziran peruntukan kerajaan.

## Sistem terbuka

"Ada juga tender projek dalam dimohon 10 kontraktor daripada satu keluarga. Kami mencadangkan tender dibuat semula menerusi sistem terbuka. Bagi mengelak kes berulang, kami men-



“**Kami banyak menerima surat layang mengenai perkara ini dan akan bertindak demi kebaikan semua kakitangan”**

**Ambrin Buang,**  
Ketua Audit Negara

cadangkan pihak terbabit kerap melakukan pemeriksaan mengesjut bagi mengelak pemborosan, pembaziran dan penyelewengan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ceramah bertema 'Tadbir Urus Baik: Adakah Kita Cukup Baik' di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Seri Dr Zaini Ujang dan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

## Jejas pengurusan

Tanpa mendedahkan identiti institusi terbabit, Ambrin berkata, perkara remeh-turut menjejaskan tadbir urus pengurusan ke-

wangan seperti ketua jabatan tidak mengambil tindakan terhadap kakitangan yang melakukan kesalahan atas alasan menjaga hati kerana faktor persahabatan.

"Selain itu, pihak atasan hanya menegur kakitangan rendah sebagai punca masalah, sedangkan ia berpunca daripada penjawat jawatan besar dan peliknya ketua jabatan terbabit dinaikkan pangkat. Kami banyak menerima surat layang mengenai perkara ini dan akan bertindak demi kebaikan semua kakitangan.

"Jabatan, agensi atau GLC yang disenaraikan tidak mempunyai SOP (Prosedur Operasi Standard) lengkap, perlu melengkapkannya segera bagi penambahbaikan tadbir urus," katanya.